

Gerakan Mahu PKR Jelas Kegagalan Laksana Tender Terbuka Dalam Buku Jingga Bernama
11 Mei, 2012

PETALING JAYA, 11 Mei (Bernama) -- Gerakan Kedah hari ini mendesak Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan mengapa negeri tersebut tidak melaksanakan konsep tender terbuka seperti yang dijadikan janji manisnya dalam Buku Jingga.

Ketua Pemuda Gerakan Kedah Tan Keng Liang berkata Buku Jingga yang dilancar oleh Anwar tahun lepas berjanji bahawa parti itu akan melaksanakan dasar tender terbuka bagi semua projek di negeri-negeri di bawah pentadbiran pakatan pembangkang.

"Namun tiada tender terbuka dibuat oleh kerajaan Kedah sebelum memasuki perjanjian usahasama bagi projek kompleks membeli-belah Aman Sentral bernilai RM500 juta dan projek kediaman Amansuri Residences bernilai RM109.55 juta," katanya.

Tan berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum desakan itu kepada pegawai di Pejabat Ketua Umum PKR, Najwan Halimi di hadapan pintu masuk ibu pejabat PKR di sini hari ini.

Katanya kerajaan Kedah telah mengambil alih tanah rakyat untuk projek Aman Sentral dengan kos lebih kurang RM40 juta dan kemudiannya telahewartakan pengambilan tanah itu untuk dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negari Kedah (PKNK).

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665466>